

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir ▾

# 20 JPA PUAS HATI PENGGUNAAN eGL DI HUSM

AUG

KUBANG KERIAN, 18 Ogos 2015 - Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berpuas hati dengan penggunaan Electronic Guarantee Letter (eGL) yang telah dilaksanakan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM).

Hal ini dinyatakan oleh Pengarah Bahagian Maklumat, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Mohd Danial Ma'aliip ketika membuat lawatan ke HUSM hari ini.

Menurut Timbalan Pendaftar, Anislan Yusof, tujuan lawatan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) adalah untuk membuat satu semakan penggunaan Electronic Guarantee Letter (eGL) di HUSM serta mendapatkan gambaran secara menyeluruh mengenai penggunaan eGL dan melihat tahap ketersediaan atau penerimaan pegawai yang menjaga kaunter dengan permintaan menggunakan eGL oleh penjawat awam ataupun tanggungan penjawat awam yang ingin mendapatkan rawatan.

"Penggunaan eGL bermula sejak 1 Ogos 2007 di semua agensi dengan keperluan pegawai mengemaskini maklumat diri, keluarga, gaji dan lain-lain dalam aplikasi HRMIS," katanya lagi.

Yang turut hadir pada lawatan ini ialah Timbalan Pengarah Kanan Pengurusan, Tuan Haji Wan Suyuti Wan Ismail serta beberapa ketua unit HUSM.

Teks: Mohd Ridzuwan Ramly/Foto: Abd Aziz Latif



Share This

**Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre**

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : [pro@usm.my](mailto:pro@usm.my) (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015